

# BULETIN PATRIOT

KEMENTERIAN PERTAHANAN

## *Tahniah & Selamat Bertugas* YB MENHAN & YB TIMBALAN MENHAN

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan atau lebih dikenali sebagai Tok Mat telah mengangkat sumpah sebagai Menteri Pertahanan pada 3 Disember 2022 di Istana Negara.

SELANJUTNYA DI MUKASURAT 4 >>>

### MENARIK DI DALAM

**PENGUKUHAN KERJASAMA  
AWAM - TENTERA (CIVIL MILITARY  
COOPERATION – CIMIC) DEMI  
PERTAHANAN MENYELURUH**

SELANJUTNYA DI MUKASURAT 4 >>>

### MENARIK DI DALAM

**MEDIA BERSAMA ANGGOTA  
TENTERA DI PULAU PANDANAN,  
SEMPORNA, SABAH**

SELANJUTNYA DI MUKASURAT 4 >>>

**EDISI 3/2022  
(September - Disember)**

**ISSN 1511-1849**

# ISI KANDUNGAN

Muka Depan .....	01
Isi Kandungan .....	02
Editorial .....	03
• <b>Tahniah &amp; Selamat Bertugas Kepimpinan Baharu MinDef</b> .....	04
- Menteri	
- Timbalan Menteri	
• <b>Pengukuhan Kerjasama Awam - Tentera (<i>Civil Military Cooperation – CIMIC</i>) Demi Pertahanan Mengeluruh</b> .....	06
• <b>Pelepasan Kontinjen MALBATT 850-10</b> .....	08
• <b>Majlis Graduasi PUSPAHANAS 2022</b> .....	10
• <b>Lawatan Kerja YB Menteri Pertahanan Ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Di SK Banggol Peradong Kuala Terengganu</b> .....	11
• <b>MinDef Laksana Inisiatif Penurunan Harga Di Semua PERNAMA Seluruh Negara</b> .....	12
• <b>Hari Sukan Negara 2022 Peringkat MinDef</b> .....	13
• <b>Sambutan Hari Integriti Peringkat MinDef</b> .....	14
• <b>Strategi Ketenteraan Negara (SKN) 2.0 Dilancarkan</b> .....	15
• <b>Karnival Tentera Darat 2022</b> .....	16
• <b>Bantu Asnaf Orang Asli Melalui Program Jiwa Murni</b> .....	17
• <b>Helikopter Operasi Maritim AW139 Elemen Pelengkap Latihan Udara Paskal</b> .....	18
• <b>KD Kelantan Wakili TLDM Di <i>International Fleet Review</i></b> .....	19
• <b>“Operasi Helang Gempita” Pamer Keupayaan Kuasa Udara Bersama Pasukan Khas ATM</b> .....	20
• <b>Majlis Perasmian Perumahan Veteran ATM ( Bina Baru) Di Negeri Kelantan</b> .....	22
• <b>Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2022</b> .....	23
• <b>Kolaborasi Airasia Ride – PERHEBAT Lonjak Peluang Kerjaya Untuk Veteran Tentera</b> .....	24
• <b>2,397 Pelatih Baharu Mendaftar Di Seluruh Negara Bagi Latihan Peralihan</b> .....	25
• <b>Penilaian Tanpa Musnah: Sejauh Manakah Aplikasinya Dalam Dunia Ketenteraan?</b> .....	26
• <b>Media Bersama Anggota Tentera Di Pulau Pandanan, Semporna, Sabah</b> .....	28
• <b>Pertandingan Pidato Sektor Keselamatan 2022</b> .....	29
• <b>Psikologi</b> .....	30
• <b>Tahukah Anda – Tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara (TAPPN)</b> .....	31
• <b>Infografik Lima 2023</b> .....	32

# SIDANG REDAKSI

## Penaung

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd. Aziz  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

## Penasihat

Adreena binti Abdul Majid  
Ketua Komunikasi Strategik

## Ketua Editor

Saiful Hisham bin Mansor  
Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

## Penolong Ketua Editor

Lt Kol Zuhairy bin Limat

## Editor

Mej Hafiza bin Ismail  
Norazlin binti Jalik  
Lt Kdr Mohamad Ridzwan bin Mohamad Yusoff TLDM  
Lt Nur Hanani binti Othman PSSTUDM  
Muhammad Syurahbil bin Hashim  
Mazaitul Azwa binti Abdullah

## Tim Editorial

Nur Ina Fazira binti Mazelan  
Nurul Sakina binti Ariffin

## Foto

Unit Komunikasi Strategik;  
Perhubungan Raya Tentera Darat;  
Perhubungan Tentera Laut Diraja Malaysia;  
Perhubungan Tentera Udara Diraja Malaysia;  
Portal Rasmi Kementerian Pertahanan dan  
Angkatan Tentera Malaysia;

Tel: 03 - 4012 3305

Web: [www.mod.gov.my](http://www.mod.gov.my)

e-mel: [penerbitan.uks@gmail.com](mailto:penerbitan.uks@gmail.com)

facebook: Kementerian Pertahanan Malaysia

Instagram: [mindefmalaysia](https://www.instagram.com/mindefmalaysia)

Twitter: [@MINDEFMalaysia](https://twitter.com/MINDEFMalaysia)

Youtube: [KementerianPertahananMalaysia](https://www.youtube.com/KementerianPertahananMalaysia)

Telegram: [MINDEF\\_UPDATE](https://www.telegram.com/MINDEF_UPDATE)

Tiktok: [mindefmalaysia](https://www.tiktok.com/mindefmalaysia)



*Dari Meja Editor*

## “BIASAKAN YANG BETUL”

Ungkapan “**Biasakan yang Betul**” ini telah seringkali kita dengar terutamanya dalam aspek penulisan. Walau bagaimanapun, topik ini terlalu luas untuk dikupas kerana ia meliputi keseluruhan aspek dalam kehidupan seharian sama ada dalam pertuturan, perbuatan, kepercayaan dan sebagainya.

“**Biasakan yang Betul**” ini mudah diungkap dengan kata-kata tetapi pada hakikatnya sangat sulit untuk dilaksanakan kerana yang “salah” itu telah menjadi satu kebiasaan dalam kehidupan seharian. Adakalanya untuk membetulkan perkara yang telah menjadi satu kebiasaan akan menerima tentangan daripada masyarakat sekeliling bahkan sehingga ada yang menerima hukuman akibat usaha mereka untuk mengubah sesuatu budaya yang telah diamalkan sejak sekian lama.

Oleh yang demikian, setiap individu perlu memainkan peranan untuk **mengubah kebiasaan yang “salah” dengan membiasakan perkara yang “betul**”. Setiap daripada kita juga seharusnya mempertimbangkan terlebih dahulu sesuatu maklumat yang diterima dan memastikan kesahihan dan kebenaran maklumat tersebut sebelum kita memilih untuk menolak. Hanya dengan perubahan secara individu sahaja ungkapan “**Biasakan yang Betul**” ini dapat direalisasikan dan menjadi budaya baharu dalam kehidupan seharian kita.

# Tahniah Dan Selamat Bertugas YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan Menteri Pertahanan Malaysia

Tanggal 2 Disember 2022, Kementerian Pertahanan menerima seorang Menteri Pertahanan yang baharu di bawah Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia Ke-10. YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan atau lebih dikenali sebagai Tok Mat telah mengangkat sumpah sebagai Menteri Pertahanan pada 3 Disember 2022 di Istana Negara.



Pada 5 Disember 2022, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan telah tiba di Dataran Wisma Pertahanan pada jam 3.00 petang setelah selesai Mesyuarat Khas Kabinet Kerajaan Perpaduan yang berlangsung sebelah pagi di Putrajaya. YB Menteri Pertahanan telah menerima tabik hormat Kawalan Kehormatan Utama (KKU) daripada Batalion Pertama, Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD). Setelah selesai tabik hormat KKU, YB Menteri Pertahanan telah diberikan taklimat eksekutif oleh YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan YBhg. Jen Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera (PAT). Sebagai tanda simbolik memulakan tugas YB Menteri Pertahanan telah menandatangani dokumen mula tugas. Sesi diakhiri dengan majlis ramah mesra bersama warga kerja pertahanan di perkarangan Foyer Wisma Pertahanan.

Semoga kehadiran YB Menteri Pertahanan yang baharu ini lebih memantapkan lagi perkhidmatan ATM dan warga awam Kementerian Pertahanan seterusnya menjadi peneraju pertahanan yang berwibawa.



## YB Adly bin Zahari Timbalan Menteri Pertahanan

YB Adly bin Zahari telah memulakan tugas rasmi sebagai Timbalan Menteri Pertahanan pada 12 Disember 2022 selepas mengangkat sumpah jawatan Timbalan Menteri Pertahanan di hadapan Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada 10 Disember 2022 di Istana Negara.



Ketibaan beliau di Kementerian Pertahanan telah disambut oleh YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan, YBhg. Jen Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera (PAT) serta Pegawai Kanan Kementerian dan Panglima-panglima Perkhidmatan.

YB Timbalan Menteri Pertahanan telah menerima tabik hormat Kawalan Kehormatan Utama (KKU) daripada Batalion Pertama, Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) bertempat di Foyer Wisma Pertahanan. Selesai KKU, beliau telah diberi taklimat eksekutif berkaitan Kementerian Pertahanan oleh KSU dan PAT. Kemudian beliau telah melaksanakan kunjungan hormat kepada YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan.



# Pengukuhan Kerjasama Awam - Tentera (Civil Military Cooperation – CIMIC) Demi Pertahanan Menyeluruh

Pengukuhan Kerjasama Awam - Tentera atau *Civic Military Cooperation* (CIMIC), merupakan salah satu teras yang terkandung dalam Pelan Strategik MinDef (PSM) 2021-2025 di Teras 4. Objektif Teras 4 adalah untuk mempertingkatkan daya ketahanan negara melalui Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) dengan menggunakan pendekatan kerajaan dan masyarakat. Satu kerjasama yang bersifat efektif antara komuniti setempat dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap fungsi dan peranan ATM serta meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aspek memperkasakan pertahanan dan keselamatan negara.

Melalui Teras 4 terdapat tiga (3) strategi pelan tindakan dan di dalam setiap strategi tersebut mengandungi 6 strategi inisiatif bagi menyokong pelan strategi tersebut. Antara pelan strategi tindakan adalah seperti berikut;



**Pelan Strategik MINDEF 2021-2025**

## PENGUKUHAN KERJASAMA AWAM - TENTERA (CIMIC)



**WARGA TUDM bersama Persatuan Nelayan Kampung Kelantan dan Kampung Tongkah, Banting Selangor dalam Program CIMIC.**



**PROGRAM CIMIC TUDM turut melaksanakan aktiviti pemeriksaan piggi kepada penduduk kampung untuk mengesan risiko.**



**AKTIVITI merentasi hutan antara penggiat CIMIC TUDM bagi memberi pelepasan kepada peajar dan remaja meningkatkan stamina dan fizikal diri.**



**PENDUDUK mengambil kesempatan menjalani pemeriksaan berkaitan darah tinggi dan diabetes semasa program CIMIC-MEDCAP.**

### CIMIC ATM dekati Orang Asli tingkat kesedaran kesihatan

**Obat Moleh, YUNDUS VAKSIBU dan BAKU RAZALI**

**PEMBUDAYAAN** dan kelestarian hidup sangat penting dalam meningkatkan kesejahteraan sosial lapisan penduduk negara ini secara amnya. Anjakan menjaga kesihatan dan kelesarian diri juga bermula daripada sikap disiplin diri setan mampu menyokong hidup serta kesejahteraan yang menarik kepada seseorang.

Menyedar keprihatinan tersebut, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menerusi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah melaksanakan inisiatif teras 4 Pelan Strategik Pengukuhan Kerjasama Awam (CIMIC) di Kampung Orang Asli Bukit Tadom, Banting, Kuala Langat, baru-baru ini.

Menurut Ketua Bahagian Penerangan TUDM, Kolonel Dr. A. Saravanan, program kesihatan itu adalah serasi dan sejajar dengan Perintah Ukong Panglima Tentera Udara ke-20, Jeneral Tan Sri Mohd. Asyraf Khan Gurinam Khan memulakan kepada Kebajikan Sosial dan Kestabilan Warga.

"Ini juga bagi menjalin kerjasama strategik dengan masyarakat setempat,

awam atau komuniti dalam memastikan pembangunan modal insan warga TUDM dan keluarga mereka terpelihar.

"Seperti itu, ia juga penting untuk mewujudkan suasana harmoni ATM aminnya dan TUDM khususnya dengan masyarakat setempat," kata beliau ketika menyempati program CIMIC di Banting baru-baru ini.

Dr. Saravanan menerangkan, program itu melibatkan kira-kira 60 anggota termasuk pegawai daripada Institut itu serta tenaga dan material dari pangkalan Udara juga.

Teagas beliau, objektif program itu bertujuan untuk memperkenalkan elemen kesihatan dan peragaan dalam masyarakat agar melahirkan komuniti yang mempunyai kesedaran yang tinggi.

Di samping itu, ia dapat memperkatakan hubungan dengan masyarakat TUDM khususnya dalam penyampaian maklumat.

"Ini dapat membudayakan nilai kasih sayang, tanggungjawab dan hormat-menghormati antara ATM dan masyarakat awam," ujarnya.

Dr. Saravanan memberitahu, pemilihan kampung Orang Asli ini secara langsung bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan serta menyediakan kemudahan untuk membolehkan mereka meneruskan



**SEBAHAGIAN daripada warga ATM bergabung bersama penduduk Orang Asli bersempena CIMIC TUDM di Kampung Orang Asli Bukit Tadom, Banting, Kuala Langat baru-baru ini.**

keleluasaan menjaga kesihatan diri dan keluarga masing-masing.

Tambahan beliau, program tersebut diisi dengan ceramah dan saringan kesihatan dengan melibatkan 300 orang daripada 700 penduduk kampung berkenaan.

"Kami mendapat maklumat bahawa ramai penduduk di sini mempunyai stigma takut untuk bertemu doktor awam khususnya yang memakai pakaian profesional tersebut.

"Jadi, kami hadir dengan paksi seragam ATM dalam memberikan perkhidmatan kepada mereka dengan melawat agar sebarang pengesanan penyakit sama ada keruhing muntah dan diarah terangi dapat diakukan awal sebelum dirujuk kepada pakar di hospital berhampiran untuk penyakit tanpa dua ke atas," jelasnya.

Dalam pada itu, Tok Batin kampong

Orang Asli Bukit Tadom, Hadi Anak Jembik pula menyambut baik program tersebut dalam mempertingkatkan aspek perijasaan diri dan kesihatan penduduk.

Tambah kesedaran penduduk kampung ini masih rendah berkaitan penyakit yang dihidapi seperti diabetes, darah tinggi dan batu karang.

"Saya akui ada segelintir orang lebih gemar menggunakan perubatan tradisional atau ada yang mengaggar penyakit itu adalah penyakit ghaib," kata Hadi kena berubah dengan membuat pemeriksaan perubahan moden di klinik atau hospital.

"Tanpa program ini, mungkin ada Orang Asli sendiri tidak tahu sama ada mereka sakit atau tidak," katanya.

Dalam pada itu, seorang penduduk, Nurin Asliza Maz Ajan, 26, yang mengalami

tidak pernah membuat saringan kesihatan menganggap program seperti itu membinasakan kepercayaan kerajinan masyarakat ATM serta tidak menghargai masyarakat Orang Asli.

"Program seperti ini memberi pendekatan mengenai pebagai jenis penyakit serta mengenalkan silaruhim dalam kalangan petugas TUDM dengan penduduk, Orang Asli ini," katanya.

**TUDM LESTARIKAN PLAN STRATEGIK PENGUKUHAN KERJASAMA AWAM DAN TENTERA**

**TAKHLAK ANDAI**  
CIMIC: Civil Military Cooperation atau Pengukuhan Kerjasama Awam dan Tentera merupakan satu pendekatan di dalam meningkatkan hubungan pebagai hala antara Angkatan Tentera Malaysia Warga Perkhidmatan dan masyarakat dalam memelihara pertahanan secara menyeluruh.

**PROGRAM CIMIC TUDM BERSAMA MASYARAKAT**  
CIMIC: Civil Military Cooperation atau Pengukuhan Kerjasama Awam dan Tentera merupakan satu pendekatan di dalam meningkatkan hubungan pebagai hala antara Angkatan Tentera Malaysia Warga Perkhidmatan dan masyarakat dalam memelihara pertahanan secara menyeluruh.

- Program Engineering Civil Action (EBCA/P) Nanti (Kedah, Taman Permai, Sungai Buraq, Kerja-karya pembinaan dan pengkalan program CIMIC TUDM beroperasi bermula 4 Ogos 21 dan siap pada 15 Oktober 2022.
- Program perkhidmatan (ATM dan Rakyat) Golong royong membina 10 Masjid Sungai Buraq pada 9 September 2022.
- Golong royong membersihkan Masjid Persempitan Pasir pada 15 September 2022.
- Golong royong membersihkan Tanah Perkuburan di Kg Sungai Buraq pada 23 September 2022.
- Golong royong membersihkan Tanah Perkuburan Sungai Buraq pada 30 September 2022.
- Program Recruitment Drive  
• Program Recruitment Drive atau Pasukan Saringan Sukan dan Sukan untuk 2022, penutupan beroperasi pada 15 September 2022.
- Program Kejuruteraan dan Penyelidikan  
• Program Pantauan Kesihatan & Pengesanan di Hospital Banting pada 15 September 2022 dan di Hospital Kemangan Methodist Banting pada 1 Oktober 2022.
- Program Matrikulasi Pendidikan  
• Penglibatan 20 jurutera Bahas Amat (Pembinaan Keabadian Anjal Raudhah) yang telah dibina dan ditamatkan pada 12 minggu oleh Program Pendidikan dan 12 anggota Jurutera Pendidikan di bawah TUDM anda masyarakat komuniti di sekitar kampung Osk Kemping, Banting dilaksanakan pada 23 hingga 25 September 2022.
- Program Pemeliharaan Keabadian dan perubatan (MEDCAP) (Pemeriksaan dan Saringan Pergigian (GIGAP))  
• Program Pemeriksaan Kesihatan di Kampung Orang Asli, Bukit Tadom, Banting pada 8 Oktober 2022.
- Program Kerohanian dan Kesedaran  
• Forum bersejarah bersama ahli panel Usahab kampung Banting dan Usahab Usahab Banting bersejarah dan moderator oleh Lutfiana (Kawan) H. Jihan bin H. Ahmad di Masjid Al-Farooq, Banting pada 18 Oktober 2022.
- Program KEM (Kebajikan, Kemudahan, Komuniti)  
• Program KEM di Jeli Kampung Kelantan dan Jeli Kampung Nelayan Tongkah pada 2 hingga 3 November 2022.

## *Pelan Strategik MinDef 2021-2025*

**Pengukuhan Kerjasama Awam - Tentera (Civil Military Cooperation – CIMIC)**

### *Strategi Inisiatif 1*

#### **Memperkukuhkan Penglibatan Awam-Tentera Dalam Aspek Pertahanan dan Keselamatan**

1.1. Memperkasakan Program Jiwa Murni



1.2. Memperkukuhkan Program Bantuan Penerbangan Pesawat Udara (MEDEVAC, BODYVAC dan mercy flight)



1.3. Memperkasakan program bersama komuniti

1.4. Mewujudkan *real-life experience engagement* program

1.5. Memperluaskan *recruitment drive* Pasukan Simpanan Sukarela

1.6. Melaksanakan kaji selidik kesedaran awam mengenai pertahanan awam

### *Strategi Inisiatif 2*

#### **Memasyarakatkan Kerjasama Awam-Tentera Ke Arah Pertahanan Menyeluruh**

2.1. Mewujudkan dasar CIMIC di peringkat Kementerian Pertahanan

2.4. *Inter-agency Smart Partnership Programme*

2.2. Mewujudkan Jawatankuasa CIMIC



2.5. Mewujudkan kolaborasi dalam program utama kementerian/agensi

2.3. Membangunkan Buku Istilah (Glosari) Kementerian Pertahanan

2.6. Melaksanakan *roadshow* KPP



### *Strategi Inisiatif 3*

#### **Memperkukuhkan Penglibatan Awam-Tentera Dalam Aspek Pertahanan dan Keselamatan**

3.1. Memperkukuh kerjasama strategik dengan pihak media



3.2. Menerbitkan sisipan khas memaparkan peranan/aktiviti tentera bersama masyarakat di media tempatan



3.3. Membawa media merasai pengalaman berada di kawasan operasi seterusnya menulis pengalaman mereka di media masing-masing

3.4. Menghasilkan infografik berkenaan maklumat umum ketenteraan untuk sebaran di media sosial dan portal kementerian

3.5. Menganjurkan *Social Media Exercises*

# Pelepasan Kontinjen MALBATT 850-10 Ke Lubnan

MALBATT 850-10 dengan kekuatan anggota tentera berjumlah 854 anggota terdiri daripada 84 pegawai dan 770 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) telah berlepas ke Lubnan membawa misi Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNIFIL) di bawah kawalan operasi Markas Sektor Barat UNIFIL. Turut serta tiga (3) pegawai dan 27 anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta seorang Pegawai Awam Kewangan dari Kementerian Pertahanan. Sejarah penglibatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam misi UNIFIL bermula sejak tahun 2007.

Majlis Pemakaian Beret PBB, Penyerahan Bendera Malaysia dan Penghantaran Kumpulan MALBATT 850-10 telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan pada 27 Oktober 2022 bertempat di Pangkalan Udara Subang. Acara simbolik Majlis Pemakaian Beret PBB dipakaikan kepada Komander MALBATT 850-10, wakil dari ketiga-tiga perkhidmatan Tentera Darat (TD), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), wakil ABDB, wakil anggota wanita dan anggota Lain-lain Pangkat (LLP) ATM. Penglibatan berterusan ini membuktikan kesiapsiagaan sebilang masa anggota ATM dalam misi pengaman dan secara tidak langsung sebagai satu pengiktirafan dunia terhadap keupayaan serta kepakaran yang dimiliki oleh anggota ATM dalam melaksanakan misi-misi pengaman.







Sebelum menyertai misi ke LUBNAN, anggota yang terlibat perlu menjalani latihan khusus selama tiga (3) bulan bagi memastikan mereka mempunyai ketahanan diri serta persiapan yang rapi sebelum bertugas di Lubnan. Latihan tersebut merangkumi sebulan Latihan Perkhidmatan Tunggal dan dua (2) bulan Latihan Integrasi atau *Force Integration Training (FIT)* di bawah kawal selia Markas Angkatan Bersama bertempat di Perkampungan MALBATT, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Penghantaran anggota MALBATT 850-10 adalah bagi menggantikan anggota MALBATT 850-9 yang akan menamatkan misi mereka setelah berkhidmat selama 12 bulan di Lubnan. MALBATT 850-10 diaturgerak secara berperingkat yang melibatkan empat (4) peringkat penghantaran. Penghantaran Kumpulan Pertama melibatkan seramai 214 orang dan diketuai oleh Komander MALBATT 850-10, Kol Mohd Rizman bin Hj. Ramli bersama 49 pegawai dan 165 anggota Lain-lain Pangkat (LLP).



# Majlis Graduasi Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS)

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan telah menyempurnakan Majlis Graduasi Maktab Ketahanan Nasional (MKN), Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) dan Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) pada 10 Disember 2022 bertempat di Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS), Putrajaya. PUSPAHANAS merupakan sebuah institusi pengajian bidang pertahanan dan keselamatan yang strategik.

Untuk pertama kalinya, Majlis Graduasi ini telah diadakan secara serentak untuk ketiga-tiga kolej di bawahnya. Seramai 265 graduan telah berjaya menamatkan kursus terdiri daripada 21 pegawai kanan berpangkat Brigadier Jeneral dan Kolonel setaraf di bawah Maktab Ketahanan Nasional (MKN) yang melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan (Darat, Laut dan Udara) serta 64 pegawai kanan berpangkat Leftenan Kolonel termasuk seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan penuntut luar negara di bawah Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT).

Manakala 144 pegawai terdiri daripada pegawai berpangkat Mejar setaraf dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan serta 34 penuntut kursus dari luar negara dan turut disertai seorang pegawai dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di bawah Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT).



Ketiga-tiga kursus ini telah berlangsung dari bulan Januari hingga Disember 2022. Ini merupakan langkah pertama bagi PUSPAHANAS melaksanakan upacara graduasi secara serentak dan akan terus mengorak langkah sebagai satu institusi yang disegani dan terunggul dalam bidang ini. Turut hadir adalah YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha, Jen Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera, Panglima-panglima Perkhidmatan, dan Atase-atase Pertahanan.



# Lawatan Kerja YB Menteri Pertahanan Ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Di SK Banggol Peradong Kuala Terengganu

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Pertahanan telah membuat lawatan kerja ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK Banggol Peradong, Manir, Kuala Terengganu pada 23 Disember 2022 untuk melihat sendiri keadaan dan menyantuni mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di PPS tersebut. Seramai 761 mangsa terdiri daripada 213 keluarga daripada 10 buah kampung telah ditempatkan di PPS ini yang telah dibuka pada 19 Disember 2022.

Sebelum itu, YB Menteri Pertahanan telah diberi taklimat mengenai Operasi Murni (OP MURNI) oleh pasukan di bawah Kawasan Tanggungjawab (KTJ) 8 Briged di Kem Seri Pantai, 18 RAMD (PARA). OP MURNI merupakan tugas sekunder ATM bagi membantu masyarakat awam yang terlibat dalam bencana alam. Sejak 7 Oktober 2022 anggota dan aset-aset ATM telah diatur gerak dalam usaha membantu dan menyelamatkan mangsa banjir di bawah formasi Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat.

Kementerian Pertahanan turut bersimpati dengan musibah yang melanda penduduk di negeri Terengganu dan juga negeri-negeri lain yang dilanda banjir. Atas dasar keprihatinan tersebut, Kementerian Pertahanan telah menyampaikan sumbangan berbentuk barang keperluan asas kepada mangsa yang terlibat di PPS SK Banggol Peradong, Kuala Terengganu.

Jumlah warga ATM dan aset yang terlibat dalam OP MURNI di Pantai Timur adalah seperti berikut;

## Terengganu

Seramai **13 Pegawai** dan **308 Anggota** telah digerakkan bersama **20 buah trak** dan **7 bot tempur** dan enjin serta pelbagai peralatan tambahan perairan dan perhubungan komunikasi.

## Kelantan

Seramai **9 Pegawai** dan **350 Anggota** telah digerakkan bersama **21 buah trak** dan **9 bot tempur** dan enjin serta pelbagai peralatan tambahan perairan dan perhubungan komunikasi.

ATM terus memberi tumpuan terhadap operasi banjir di negeri-negeri yang terjejas yang merangkumi tiga (3) fasa dalam OP MURNI iaitu sebelum (Pra-Aturgerak Banjir), semasa banjir dan selepas (Pasca Banjir).





## MinDef Laksana Inisiatif Penurunan Harga Di Semua PERNAMA Seluruh Negara

Kementerian Pertahanan (MinDef) melalui Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) melaksanakan penurunan harga barangan jualan di semua 93 rangkaian kedai PERNAMA di seluruh negara. YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan telah mengumumkan inisiatif ini semasa sesi lawatan kerja beliau ke kem-kem di Sabah dan Sarawak pada 2 dan 3 November 2022.

Pelaksanaan Inisiatif ini bagi membantu meringankan beban perbelanjaan harian dan memberi manfaat kepada warga pertahanan. Menerusi inisiatif ini, penurunan harga yang ditawarkan adalah sebanyak 48 peratus bagi makanan dan barangan keperluan asas harian. Antara produk makanan dan barang keperluan asas di PERNAMA selepas diturunkan harga ialah susu formula bayi RM21.49, tuala Wanita RM3.09, sardin RM6.99, tepung RM2.49 dan beras 10 kilogram RM25. Produk yang dinyatakan ini hanya sebahagian daripada kira-kira 200 produk yang terdapat di PERNAMA.

Selain itu, penurunan sebanyak 90 peratus bagi keperluan persekolahan anak-anak warga pertahanan turut diumumkan. Melalui penurunan ini, mereka boleh membeli pakaian seragam sekolah pada harga RM5 bagi seluar dan RM5 bagi baju. Inisiatif penurunan harga di kedai PERNAMA berkuatkuasa serta merta dan dilaksanakan sebagai Jualan Akhir Tahun sehingga 31 Disember 2022 dan bagi memastikan inisiatif ini dilaksanakan kepimpinan MinDef akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa. MinDef sentiasa cakna dan prihatin terhadap agenda kebajikan warga pertahanan terutamanya dalam aspek kos sara hidup yang semakin tinggi.

YB Menteri Pertahanan juga meluangkan masa bersama warga Kem Rascom Sibu dan warga Pangkalan TLDM Kota Kinabalu sepanjang lawatan kerja beliau di Sabah dan Sarawak.



# Hari Sukan Negara 2022 Peringkat MinDef

Program Hari Sukan Negara merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan disambut pada setiap Sabtu minggu kedua pada bulan Oktober. Program ini merupakan satu bentuk transformasi ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan' sekali gus ingin membudayakan amalan hidup cergas dan aktif dalam kalangan masyarakat Malaysia.



Kementerian Pertahanan turut menyambut baik inisiatif yang telah diperkenalkan oleh KBS. Sambutan Hari Sukan Negara 2022 peringkat MinDef telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan pada 7 Oktober 2022 bertempat di Padang Kawad, Kem KEMENTAH.

Pelbagai aktiviti telah dirancang dan disusun rapi untuk warga kerja pertahanan semasa program tersebut dijalankan. Antaranya ialah senamrobik, *Fun Run*, *Penalty Shoot-Out*, *Netball Shoot-Out*, Sepak Raga Bulatan dan Berjalan Atas Batu Bata. Selain itu, turut diadakan *Final Match* Pertandingan Badminton Piala KSU 2022.

Turut hadir ke program ini adalah YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Jen Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera (PAT), Panglima-panglima Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta Pegawai-pegawai Kanan Awam dan Tentera Kementerian Pertahanan.



## Sambutan Hari Integriti MinDef 2022



Sambutan Bulan Integriti Nasional dilaksanakan pada 5 November setiap tahun sejak 2005. Pada tahun ini, tema sambutan Hari Integriti adalah 'Integriti Teras Keluarga Malaysia' bertepatan dengan konsep Keluarga Malaysia yang menekankan tiga (3) teras utama iaitu Kebersamaan, Keterangkuman dan Kesyukuran.

Kementerian Pertahanan (MinDef) telah menganjurkan Sambutan Hari Integriti MinDef 2022 pada 2 November 2022 bertempat di Auditorium dan perkarangan lobi Kementerian Pertahanan. Sambutan kali ini diadakan secara sederhana dengan pengisian yang memberi manfaat kepada warga kerja pertahanan. Antara aktiviti yang berlangsung adalah Bicara Integriti yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Ustaz Kazim Elias, seorang penceramah bebas. Seterusnya sesi bersama Pungutan Zakat Cawangan Putrajaya dan cabutan bertuah turut diadakan dengan kerjasama daripada Pusat Pungutan Zakat (PPZ).

Selain itu, terdapat juga *booth-booth* pameran daripada lapan (8) agensi yang terlibat antaranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Penjara Sungai Buloh, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Tabung Haji, Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan CUEPACS Care di perkarangan lobi Kementerian Pertahanan.



Majlis Perasmian Sambutan Hari Integriti MinDef 2022 telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan acara penyampaian hadiah kepada pemenang utama bagi pertandingan yang dianjurkan turut diadakan. Antaranya pertandingan kuiz, slogan, poster dan juga tayangan video terbaik bertemakan Integriti, Tatakelakuan, Tatatertib dan Kod Etika, Polisi Antirasuah dan Sistem Pengurusan Antirasuah.

# Pelancaran Buku Strategi Ketenteraan Negara 2.0 (SKN 2.0)

YBhg. Jen Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera (PAT) telah menyempurnakan upacara Pelancaran Buku Strategi Ketenteraan Negara 2.0 (SKN 2.0) di majlis sambutan Hari Angkatan Tentera Malaysia yang diadakan pada 26 September 2022 bertempat di Pangkalan Udara Kuantan, Pahang.



Buku SKN 2.0 dihasilkan bagi mendokong aspirasi pertahanan negara yang mampan dengan menjadikan Kertas Putih Pertahanan (KPP) dan juga Dasar Pertahanan Negara (DPN) sebagai sumber rujukan utama Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Selain itu, buku SKN 2.0 merupakan strategi terkini yang relevan, kesinambungan dan praktikal dalam memastikan ATM sentiasa berada di landasan yang teguh.

Dokumen ini menjelaskan perancangan strategi ketenteraan ATM yang digubal secara holistik serta inklusif dalam usaha mencapai objektif-objektif ketenteraan dan sekali gus membolehkan ATM mendapat kelebihan strategik dalam apa jua situasi. Dokumen ini juga menjadi asas kepada pertahanan nasional dalam mendepani sebarang ancaman yang semakin kompleks pada masa kini dengan pendekatan yang lebih efektif dan efisien.

Turut hadir adalah YBhg. Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain, Panglima Tentera Darat, YBhg. Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany, Panglima Tentera Laut dan YBhg. Jen Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Panglima Tentera Udara.



# KARNIVAL TENTERA DARAT 2022

Karnival Tentera Darat 2022 telah berlangsung dengan jayanya selama tiga (3) hari bermula 7 Oktober 2022 sehingga 9 Oktober 2022 bertempat di Stadium Mini Taman Sri Lambak, Kluang, Johor. Penganjuran karnival ini bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai tugas serta peranan Tentera Darat dan secara tidak langsung program seperti ini dapat meningkatkan hubungan yang erat antara anggota Tentera Darat dengan masyarakat awam terutamanya di sekitar Negeri Johor. Tidak ketinggalan juga turut dipamerkan kepelbagaian aset serta kepakaran yang dimiliki oleh Tentera Darat.



Antara aset-aset yang dipamerkan terdiri daripada PT91M Pendekar, AV8 Gempita, AV4 Lipan Bara, ACV 300 Adnan, *Malaysian Infantry Fighting Vehicle* (MIFV), Unit Lancar Berganda (ULB) Astros II, Meriam 155 MM GK MK III, Meriam 105 MM PH L5 dan pelbagai set persenjataan serta alat komunikasi terkini. Selain itu, turut disediakan *booth* pameran yang terdiri daripada Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan *booth* Tentera Darat. Kor Kesihatan Diraja (KKD) juga turut mengambil bahagian dalam karnival ini dengan menyediakan pameran Hospital Medan dan menyediakan pemeriksaan kesihatan dan pergigian secara percuma kepada pengunjung yang hadir.

Pengunjung yang hadir ke karnival ini menyatakan keterujaan serta kagum apabila mereka dapat mencuba serta merasai pengalaman sebenar bersama aset-aset Tentera Darat dan mereka turut dipertontonkan dengan pelbagai aksi demonstrasi seperti Demonstrasi Anjing Perang, Tempur Tanpa Senjata, Payung Terjun, Aksi Tim Akrobatik *Army Red Warrior* dan Demonstrasi Masakan Medan oleh Batalion Ke-6 Rejimen Renjer Diraja.

Majlis penutup karnival ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan pada 9 Oktober 2022 dan telah menyampaikan tiga (3) hadiah utama cabutan bertuah berupa motosikal. Menurut YB Menteri Kanan Pertahanan, pelaksanaan karnival ini telah mengeratkan lagi hubungan masyarakat awam dengan pasukan Tentera Darat bak kata peribahasa "Tentera dan Rakyat Berpisah Tiada". Hadir sama pada majlis penutup ini adalah YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain, Panglima Tentera Darat dan Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain bin Jantan, Panglima Medan Barat Tentera Darat.





# Bantu Asnaf Orang Asli Melalui Program Jiwa Murni

Sempena Program Jiwa Murni Tentera Darat Malaysia (TDM), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain, Panglima Tentera Darat (PTD) telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Rumah Asnaf Orang Asli Batu 12, Gombak, Selangor pada 26 November 2022. Program ini adalah kerjasama antara pasukan Skuadron Kedua Rejimen Askar Jurutera Diraja (2 Skn RAJD) dengan QSR Brands (M) Holdings Bhd dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).



Program Jiwa Murni (PJM) Bina Baharu Rumah Asnaf ini melibatkan peruntukan sebanyak RM 99,000.00 dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Selangor telah memilih tiga (3) buah rumah untuk program ini. Pada perancangan awal, projek ini adalah projek baik pulih namun setelah tinjauan dilakukan oleh unit 2 Skn RAJD projek ini ditukar kepada projek bina baharu berikutan keadaan rumah yang terlalu usang. Projek ini telah dimulakan secara berperingkat bermula sejak 20 Jun 2022 dan telah siap sepenuhnya pada 18 September 2022. Antara tiga (3) orang penerima program PJM ini adalah Encik Yusof bin Alang, Puan Amek binti Pedik dan Encik Muhammad Iskandar bin Abdullah.

Pelaksanaan PJM bertepatan dengan CIMIC (*Civil Military Cooperation*) yang menekankan aspek menjalin hubungan kerjasama antara TDM dengan agensi-agensi kerajaan tempatan, badan-badan berkanun dan masyarakat setempat. TDM sentiasa memastikan perancangan serta pelaksanaan PJM berjalan dengan lancar seterusnya dapat memberikan manfaat kepada golongan asnaf yang telah dikenalpasti dan sentiasa komited dalam menyalurkan bantuan kepada yang memerlukan.



Turut hadir adalah Lt Jen Muhammad Hafizuddeain bin Jantan, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Mej Jen Dato' Haji Ya'cob bin Samiran, Panglima Divisyen Keempat Infantri Malaysia, wakil-wakil dari QSR Brands (M) Holdings Bhd, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan beberapa lagi agensi yang menjadi penyumbang kepada program ini.



## Helikopter Operasi Maritim AW 139 Elemen Pelengkap Latihan Udara PASKAL

Latihan Pengukuhan Terjun Bebas Familiarisasi PASKAL yang melibatkan Helikopter Operasi Maritim (HOM) AW 139 telah dilaksanakan di *Drop Zone* (DZ) Mini Stadium KDSM bermula 26 hingga 28 Oktober 2022 dan melibatkan lebih 50 pegawai dan anggota daripada kedua-dua unit, PASKAL dan Skuadron 503. Objektif latihan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan operasi udara Tim Gempur PASKAL di samping persediaan dalam menghadapi operasi sebenar dan persiapan kejohanan Payung Terjun Antara Perkhidmatan. Latihan ini juga dapat dimanfaatkan oleh kru udara HOM AW 139 untuk mempertingkatkan interoperabiliti penerbangan bersama PASKAL.

Latihan bersama ini seringkali dilaksanakan dan telah menjadi rutin bagi kedua-dua pasukan, PASKAL dan HOM AW 139 berkolaborasi sejak Skuadron 503 mula mengoperasikan HOM AW 139 secara rasmi di Armada Timur mulai Julai 2022. Pada siri latihan ini, HOM AW 139 telah diterbangkan sendiri oleh Pegawai Memerintah Skuadron 503 iaitu Komander Hairul Afkin bin Tukimin TLDM serta dibantu Lt Kdr Roni bin Temu TLDM dan Lt Kdr Mohd Khairur Adnan bin Baharudin TLDM.

Latihan *free fall* pada ketinggian 10,000 kaki dari HOM AW 139 dilaksanakan secara *formation skydiving* manakala di ketinggian 5,000 kaki adalah penerjunan ketepatan payung *military* dan payung sukan. Latihan ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan kerana memerlukan komitmen latihan yang berterusan, komunikasi berkesan di antara *Drop Zone Safety Officer* (DZSO) dan di lapangan bersama pesawat. Selain itu, faktor cuaca turut menjadi elemen penting dalam melancarkan kejayaan latihan seumpama ini.

Kehadiran aset udara dalam melaksanakan latihan dan operasi khas seperti ini sangat memberi nilai tambah kepada pasukan khas ATM seperti PASKAL dalam mempertingkatkan kemahiran mereka terutama dalam misi menggempur. Selain *free fall*, operasi khas lain seperti *Rapid Abseiling Vertical Option* (RAVO), *Fast Roping*, *Water Jump*, *Spie Rig*, *Aerial Sniping* dan *Roll Duck* adalah antara kaedah *insertion* dan *extraction* yang dapat dilaksanakan bersama aset udara TLDM.



## KD KELANTAN Wakili TLDM Di *International Fleet Review 2022*

*Japan Maritime Self-Defense Force* telah menganjurkan *International Fleet Review 2022* (IFR2022) bersempena ulang tahun penubuhannya yang ke-70 tahun bertempat di Teluk Sagami, Selatan Tokyo dan berlangsung dari 2 November hingga 8 November 2022.

Kapal peronda Skuadron PV Ke-17 iaitu KD KELANTAN yang dinakhodai Kdr Mohd Azrul Hakimi bin Azmi telah mewakili Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dalam peragaan kapal angkatan laut yang turut disertai oleh 13 buah negara yang lain seperti Brunei, Singapura, Thailand dan Indonesia meliputi 37 buah kapal secara keseluruhan.

Bagi menyertai program fasa pelabuhan sebelum IFR2022 yang dirancang pada 6 November, KD KELANTAN bersama 110 orang kru telah memulakan pelayaran meninggalkan Tambatan Pangkalan Kota Kinabalu pada 21 Oktober dan selamat tiba di Yokohama, Jepun pada 30 Oktober. Pelbagai program sepanjang fasa pelabuhan diadakan antara warga The Navy People di KD KELANTAN bersama penduduk di sana telah berlangsung antaranya penganjuran perlawanan sukan persahabatan bersama angkatan laut yang lain, penyertaan perarakan tentera laut di City Parada, Yokosuka dan juga mengadakan beberapa siri Kunjungan Hormat yang dilaksanakan oleh Kdr Mohd Azrul Hakimi bin Azmi sepanjang berada di sana.

Tidak ketinggalan, KD KELANTAN juga turut melaksanakan 'Open Ship' dan menganjurkan sesi tamu mesra *Request Pleasure of Company* (RPC) bagi mempromosikan Malaysia di mata dunia dengan menyediakan sajian yang sinonim dengan kebudayaan masyarakat Malaysia. Turut hadir sama ke Tokyo, Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Rahman bin Ayob dan ikut serta dalam pelayaran pemeriksaan peragaan kapal di atas JS IZUMO. Lebih menarik, Perdana Menteri Jepun, Kishida Fumio telah menjadi tetamu kehormat dan menyaksikan pelayaran formasi aset-aset angkatan laut yang menyertai IFR 2022.

Selain peragaan kapal, KD KELANTAN turut berpeluang menyertai siri Latihan Mencari dan Menyelamat (SAREX) bersama angkatan laut Jepun. Tidak dinafikan, program seumpama ini menjadikan hubungan diplomasi dua hala antara dua negara, Malaysia dan Jepun lebih kukuh selain bertindak sebagai jaminan terhadap pengukuhan bilateral yang manfaatnya turut dirasakan oleh warga TLDM sendiri.





# “OPERASI HELANG GEMPITA” Pamer Keupayaan Kuasa Udara Bersama Pasukan Khas ATM

Segmen demonstrasi “Op Helang Gempita” telah diadakan pada 26 September 2022 dan dipertontonkan bersempena Sambutan Hari ATM Ke-89 bertempat di Pangkalan Udara Kuantan, Pahang. Pada sambutan kali ini, segmen demonstrasi telah dipertanggungjawabkan kepada Tentera Udara Malaysia (TUDM) melalui Markas Pemerintahan Operasi Udara dan Markas Wilayah Udara 1. “Helang Gempita” membawa maksud yang tersendiri iaitu “Helang” melambangkan ketangkasan anggota ATM dalam melaksanakan setiap misi dan operasi yang diamanahkan manakala “Gempita” menggambarkan keterujaan dan riuh.

Seramai 673 pegawai dan anggota yang terdiri daripada Gerup Gerak Khas (GGK), Pasukan Khas Laut (PASKAL) dan Pasukan Khas TUDM (PASKAU) telah terlibat dalam demonstrasi ini. Keupayaan aset dan Kompetensi Pasukan Khas ATM serta simulasi serangan udara yang dipamerkan dalam segmen ini memperlihatkan kesiagaan aset serta kecekapan juruterbang ATM dalam menggalas tugas utama bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.

Antara aset TUDM yang telah diatur gerak dalam “Op Helang Gempita” adalah pesawat pejuang Su-30 MKM, F/A-18 D Hornet dan BAE Hawk, pesawat pengangkut C130 H serta helikopter EC 725 AP dan AW 139. Manakala aset dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) ialah Helikopter Fennec. Penglibatan aset daripada Tentera Darat Malaysia (TDM) adalah Helikopter LOH A109 Agusta serta MD 530G, Meriam Oerlikon, Radar Skyguard dan IGLA SLU, kenderaan VAMTAC dan Scrambler.



Modus operandi "Op Helang Gempita" menggunakan misil dari pesawat pejuang Su-30 MKM bagi tujuan memusnahkan sasaran musuh yang telah dikenal pasti kemudian pesawat helikopter EC 725 AP, AW 139 dan MD 530G diatur gerak bagi misi penyusupan ke kawasan musuh. Setelah dikenal pasti sasaran, bom akan dijatuhkan oleh pesawat BAE Hawk untuk memusnahkan sasaran aset dan kubu pertahanan musuh. Serangan diperhebatkan lagi dengan mengatur gerak pesawat pejuang F/A-18 D Hornet bagi mengebom sasaran musuh.

Seterusnya, pesawat helikopter EC 725 AP dan AW 139, helikopter FENNEC milik TLDM, dan helikopter AW 109 dan MD 530G milik TDM membawa masuk pasukan *Sniper*, Pasukan Khas dan Pasukan Atur Cepat 10 Briged PARA bagi melaksanakan *Heliborne Assault*. Tugas menyelamatkan tebusan diteruskan oleh trup Pasukan Khas dan Pasukan Atur Cepat 10 Briged PARA dengan membuat pertahanan pangkalan manakala Pasukan Khas melaksanakan misi menyerbu masuk ke markas musuh.

Pesawat pengangkut C130 H pula diatur gerak bagi bantuan menyelamatkan tebusan melaksanakan penerbangan taktikal (*Tactical Air Landing Operation*) dengan membawa aset ketumbukan TDM iaitu kenderaan VAMTAC dan *Scrambler* sebagai bantuan operasi menyelamatkan tebusan. Pada masa yang sama, Pasukan Khas melaksanakan misi menggempur musuh dalam jarak rapat dan menyelamatkan tebusan VVIP dengan cepat, tangkas dan tepat manakala kenderaan VAMTAC berserta *Scrambler* bersedia untuk membawa keluar tebusan VVIP dari kawasan penggempuran.

Kemudian, pesawat pengangkut C130 H diatur gerak melakukan penerbangan taktikal bagi menurunkan anggota Pasukan Pertahanan Darat dan Udara (HANDAU) serta anggota Pasukan Atur Cepat 10 Briged PARA bagi melaksanakan penyusupan dan pertahanan pangkalan. Pesawat pengangkut C130 H juga turut bertindak mengeluarkan tebusan VVIP dari kawasan penggempuran setelah tebusan selamat menaiki kenderaan VAMTAC dan segera dibawa menaiki pesawat.

Akhir sekali, serangan pemusnah akan dilancarkan dari pesawat pejuang F/A-18D Hornet dengan menyerang serta mengebom sasaran utama dan akhirnya menjadi pelengkap kejayaan "Op Helang Gempita". Kejayaan demonstrasi ini adalah hasil daripada komitmen padu, fokus dan gabungan elemen 4C (*Coordination, Communication, Command and Control*) dari kesemua pihak yang terlibat bagi menunjukkan persembahan yang terbaik di samping meningkatkan kepekaan situasi semasa dan kewaspadaan tahap keselamatan yang tertinggi pada sebilang masa.



## Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2022

Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Bin Mohd Zain, Panglima Tentera Darat telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Veteran ATM peringkat Negeri Sembilan bertempat di Auditorium Sebatang Karah, Kem Segenting, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 6 November 2022. Penganugerahan ini telah dilaksanakan sejak 3 Mac 2004 sebagai tanda menghargai jasa dan pengiktirafan kerajaan kepada anggota tentera atas jasa, keberanian, pengorbanan dan kesetiaan tanpa rasa belah bahagi dalam menyumbang kepada kebebasan negara daripada ancaman pengganas komunis.

PJM hanya dianugerahkan kepada anggota tentera atau bekas anggota tentera yang memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti berikut:

- Telah berkhidmat atau terlibat dalam operasi secara berterusan selama 3 bulan dan ke atas atau telah bertugas secara langsung tidak kurang dari 6 bulan di mana-mana pasukan atau formasi ATM bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 2 Disember 1989 dalam operasi menentang Parti Komunis Malaya (PKM) atau,

- Telah berkhidmat atau terlibat dalam operasi secara berterusan selama 3 bulan dan ke atas atau telah bertugas secara tidak langsung tidak kurang dari 6 bulan di mana-mana pasukan atau formasi ATM bagi tempoh 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1990 dalam operasi menentang Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) atau,

- Telah terbunuh, cedera atau menjadi kurang upaya disebabkan oleh tugas menentang Pengganas Komunis Malaya (PKM) bagi tempoh 1 Januari 1969 hingga 2 Disember 1989 atau Pengganas Komunis Kalimantan (PKKU) bagi tempoh 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1990.



Seramai 472 orang Veteran ATM termasuk balu telah dianugerahkan PJM pada majlis ini. Sehingga kini terdapat 32,440 warga Veteran ATM telah menerima PJM manakala bagi veteran yang layak dan belum lagi dianugerahkan akan dijadualkan penganugerahannya pada masa akan datang.

Turut hadir dalam majlis penganugerahan ini Lt Jen Datuk Mardzuki bin Muhammad, Panglima Medan Timur TD, Mej Jen Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah JHEV ATM, dan Pegawai-pegawai Kanan Tentera Darat serta wakil daripada Persatuan-persatuan Veteran ATM sekitar Negeri Sembilan.

## Majlis Perasmian Perumahan Veteran ATM (Bina Baru) Di Negeri Kelantan

Majlis Perasmian Perumahan Veteran ATM (Bina Baru) Peringkat Negeri Kelantan di Tumpat, Kelantan telah disempurnakan oleh YBhg. Mej Jen Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah JHEV ATM pada 15 Oktober 2022. Program ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebajikan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (Veteran ATM) yang tergolong dalam kelompok B40 dari golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang tetapi mempunyai tanah yang bersesuaian untuk dibina rumah sendiri yang sempurna dan selesa.



Kementerian Pertahanan sentiasa peka dan prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan yang mereka curahkan selama ini dalam menentukan keamanan dan keselamatan negara sentiasa terpelihara.

Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi program ini. Inisiatif ini melibatkan Veteran ATM di seluruh negara dan akan diteruskan pada masa akan datang namun tertakluk kepada peruntukan kewangan kerajaan. Usaha ini adalah sejajar dengan fokus JHEV ATM iaitu prihatin, komited dan komprehensif dalam menjaga kebajikan Veteran ATM.

## Kolaborasi *Airasia Ride* - PERHEBAT Lonjak Peluang Kerjaya Untuk Veteran Tentera

Artikel oleh : Norzahafiz bin Norzamri  
Seksyen Komunikasi Korporat, PERHEBAT

Orientasi *Gig Economy* seperti *e-hailing* yang dipacu teknologi digital kini semakin *trending* dan paling lestari atau *sustainable* di era pandemik ini. Berdasarkan potensi industri itu, PERHEBAT telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama *AirAsia Ride* bagi menyediakan peluang kerjaya dalam perkhidmatan *e-hailing* sebagai *AirAsia Rider* khusus untuk veteran tentera di seluruh Malaysia.



*AirAsia Ride* adalah perkhidmatan *e-hailing* yang ditubuhkan oleh AirAsia Group Berhad pada tahun 2021. *AirAsia Ride* juga menjadi kebanggaan kepada perkhidmatan *e-hailing* tempatan kerana idea penubuhannya dicetuskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Group Berhad, Tan Sri Tony Fernandes yang memiliki pelbagai pencapaian dalam arena penerbangan di peringkat global.

Majlis menandatangani MoU berlangsung pada 24 November 2022 di Kompleks PERHEBAT, Sungai Buloh. Dokumen MoU ditandatangani Ketua Pengarah PERHEBAT, Tuan Haji Zakariah Haji Md Sam dan Encik Lim Chiew Shan, Ketua Pegawai Eksekutif *AirAsia Ride* serta disaksikan oleh Brigedier Jen Dato' Haji Ahmad Zaki Mahmud, Ahli Lembaga Pengarah PERHEBAT.

Inisiatif unik ini menyediakan pelbagai manfaat khusus untuk veteran tentera antaranya Latihan dan Ujian *Public Service Vehicle* (PSV) secara percuma dan modul latihan pengendalian *e-hailing*. Mereka juga boleh menikmati pelbagai keistimewaan sebagai *AirAsia Rider* termasuk menubuhkan komuniti *Veteran Riders*. Jika operator *e-hailing* yang lain mengenakan yuran platform sebanyak 20% yuran daripada jumlah yang dikutip oleh *Riders*, tetapi *AirAsia Ride* hanya mengenakan 15% sahaja.

Melalui program penempatan pekerjaan ini, Veteran ATM berupaya menjana pendapatan RM2,500 sehingga RM3,500 sebulan termasuk menikmati faedah petrol dan pelbagai insentif menarik. Berbekalkan etika kerja dan disiplin mereka semasa dalam perkhidmatan ATM, PERHEBAT optimis inisiatif tersebut akan melonjakkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan ini seterusnya mampu mencetuskan gelombang *AirAsia Veteran Riders* yang dijangka memacu permintaan tinggi oleh pengguna.

Veteran tentera diseru untuk merebut peluang ini sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa bagi membolehkan mereka terus mengasah semula kemahiran supaya kekal relevan seiring dengan tuntutan Revolusi Industri 4.0 yang dipacu oleh teknologi digital. Ia wajar dimanfaatkan oleh Anggota ATM yang bakal bersara dan veteran untuk meraih peluang kerjaya dan pendapatan yang lebih baik.

Pada 2023, PERHEBAT menyasarkan untuk jalinan kerjasama yang lebih inklusif. Ketika ini PERHEBAT bekerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), HRD Corp. dan agensi mikro kredit seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, bagi bantuan modal perniagaan atau pelbagai inisiatif bimbingan untuk mengembangkan perniagaan veteran.



# Enrolmen Tertinggi, Seramai 2,397 Pelatih Baharu Mendaftar Di Seluruh Malaysia Bagi Latihan Peralihan Di PERHEBAT

Artikel oleh : Norzahafiz bin Norzamri  
Seksyen Komunikasi Korporat, PERHEBAT

Peranan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) amat signifikan dalam mencorak kerjaya kedua Anggota ATM yang bakal bersara dan veteran tentera. Bagi memastikan hasrat setiap anggota untuk berkursus di bawah kendalian PERHEBAT dipenuhi, PERHEBAT telah mewujudkan Pusat Latihan dan Bimbingan Veteran (PLBV) di seluruh negara bagi memastikan semua anggota ATM yang bakal bersara disiapsiagakan dengan program Latihan Peralihan yang berstruktur dan berupaya membimbing mereka untuk memperoleh kerjaya kedua.



Inisiatif ini mendapat respons yang amat memberangsangkan daripada bakal pesara apabila seramai 2,397 anggota telah mendaftar untuk Latihan Peralihan bagi sesi pengambilan pada Oktober 2022. Secara tidak langsung merupakan enrolmen tertinggi yang pernah dicatat Latihan Peralihan, sekaligus menyaksikan bilangan tertinggi Bakal Pesara ATM yang memilih PERHEBAT sebagai kampus latihan pada tahun 2022.

Jumlah pelatih yang mencatat sejarah tersendiri buat PERHEBAT ini pastinya didorong oleh kewujudan 14 buah Pusat Latihan dan Bimbingan Veteran (PLBV) di Kedah, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Ini membuktikan transformasi Latihan Peralihan yang dilaksana telah berjaya merealisasikan hasrat Bakal Pesara ATM untuk mengikuti Latihan Peralihan secara berstruktur demi pembangunan kerjaya kedua mereka.

Minggu Orientasi Pelatih Baharu bagi Latihan Peralihan sesi Oktober 2022 turut diadakan bagi memberi pendedahan berkenaan kaedah pengajian, budaya kehidupan dan persekitaran di kampus dan aspek pembinaan sahsiah. Program yang diadakan di Dewan Jubli Perak, Kompleks PERHEBAT turut disiarkan secara langsung melalui saluran *Youtube* PERHEBAT untuk diikuti oleh semua pelatih di seluruh Malaysia.

Perangkaan menunjukkan sekitar 5,500 hingga 6,000 anggota menamatkan perkhidmatan pada setiap tahun dan 75 peratus daripadanya berumur antara 33 hingga 42 tahun. Manakala daripada jumlah tersebut, kira-kira 30 peratus menamatkan perkhidmatan sebagai veteran yang tidak berpencen.

PERHEBAT terus komited dalam memegang amanah yang diberikan kerajaan. Progres kerjaya kedua bagi mereka yang tamat Latihan Peralihan akan dipantau selepas enam (6) bulan tamat perkhidmatan sehingga lima (5) tahun selepas tempoh tersebut. Maka, pelatih diseru untuk terus saling berhubung dengan Pengajar-pengajar di PERHEBAT. Melalui rangkaian ini, segala pengalaman dan kepakaran dapat dipadankan dan akhirnya membentuk satu ekosistem yang boleh memanfaatkan komuniti veteran tentera.

# Penilaian Tanpa Musnah: Sejauh Manakah Aplikasinya Dalam Dunia Ketenteraan?

Mohd Moesli Muhammad  
Kumpulan Penyelidikan Bahan Termaju Maritim  
Bahagian Teknologi Maritim, STRIDE

## Penilaian Tanpa Musnah

Dunia ketenteraan merupakan dunia yang dipenuhi dengan aset strategik yang bukan sahaja unik tetapi tidak terdapat dalam industri komersial. Aset seperti jet pejuang, kapal frigat, roket, misil, kapal selam dan kereta perisai merupakan contoh aset tentera yang mahal dan mencecah sehingga berbilion ringgit. Namun tahukah anda, bagaimana aset-aset ini dapat dipastikan supaya sentiasa berada dalam kesiapsiagaan yang tinggi? Ini kerana aset-aset tersebut perlu digerakkan pada bila-bila masa apabila diperlukan kerana ancaman boleh datang tanpa kita duga dan sedari. Kaedah konvensional yang digunakan pada masa kini adalah setiap aset dilakukan senggaraan rutin dengan setiap komponen dan struktur akan diperiksa dengan teliti oleh personel yang kompeten. Dalam keadaan tertentu, sampel perlu diambil dan diuji melalui penilaian musnah di makmal bagi mendapatkan data terkini sifat mekanik bahan tersebut. Tidak dinafikan kaedah ini masih lagi terbaik, relevan dan diguna pakai sehingga kini. Akan tetapi dalam situasi aset strategik yang terhad dan masih lagi perlu beroperasi, penilaian tanpa musnah merupakan kaedah yang terbaik. Penilaian tanpa musnah atau *non-destructive evaluation* merupakan satu ujian bagi menilai sesuatu komponen atau struktur aset tanpa perlu memusnah, merosak atau mengubah bahan tersebut. Penilaian ini meliputi mengesan kecacatan, anomali dan sebarang perubahan struktur sama ada dalaman atau pada permukaan. Kaedah ini amat sesuai kerana cepat, boleh dilakukan di kawasan sempit yang sukar diakses dan dapat mengurangkan kos senggaraan berkala. Penilaian tanpa musnah telah meluas digunakan dalam komersial terutamanya dalam industri minyak dan gas. Dalam industri ini, sebarang pemberhentian operasi bagi kerja-kerja senggaraan boleh menjejaskan pengeluaran seterusnya mengakibatkan keuntungan syarikat berkurangan.



**Rajah 1 :** Peralatan *Computed Tomography* (CT) yang boleh mencapai tenaga sehingga 9 MeV mampu menghasilkan imej 3 dimensi untuk sebarang komponen.

## Bagaimana Penilaian Tanpa Musnah dilakukan

Penilaian dapat dilakukan melalui pelbagai ujian bergantung kepada keadaan sampel dan jenis analisis yang ingin dicapai. Ujian seperti radiografi, ultrasonik, zarah bermagnet, penembusan dan arus pular merupakan asas kepada penilaian tanpa musnah. Dengan perkembangan dunia teknologi yang berkembang pesat, data dan imej yang perolehi dapat ditukarkan kepada format digital. Dengan format digital ini, pelbagai analisis lanjutan dapat dilakukan. Selain itu, kemajuan teknologi pengimejan juga banyak membantu untuk mendapatkan imej secara masa nyata (*real time*). Dalam artikel ini, akan dikongsikan beberapa ujian termaju yang telah digunakan terutamanya bagi melakukan penilaian untuk struktur yang besar serta aset yang sensitif seperti roket dan misil.

Ujian radiografi telah meluas digunakan kerana berkemampuan untuk mendapatkan imej bagi sampel yang dicerap. Dengan menggunakan sumber sinar-x atau radioaktif, sinaran mengion yang terhasil mampu untuk menembusi sesuatu bahan. Sinaran yang menembusi bahan akan menyebabkan perbezaan kontras ketumpatan dan akan ditukarkan kepada imej. Imej yang terhasil ini, dapat membantu untuk mengesan sebarang abnormal yang berlaku pada struktur dan komponen dalaman. Selain itu, sinar-x juga dapat membantu ketika menjalankan penyiasatan kegagalan dan analisis forensik. Pada masa sekarang radiografi digital seperti plat digital dan *Computed Tomography* (CT) banyak digunakan dan dijangka terus berkembang pada masa akan datang. Kaedah ini akan menjadikan proses ujian menjadi lebih pantas, resolusi imej yang lebih tinggi dan keputusan segera dapat dicapai semasa di lapangan lagi. Rajah 1 menunjukkan peralatan CT yang mampu menghasilkan imej tiga (3) dimensi untuk pelbagai komponen aset. Dalam hal ini, berbeza dengan aplikasi perubatan, analisis imej hanya dilakukan ke atas objek manusia sahaja dan tenaga (kV) yang diperlukan adalah rendah. Namun bagi aset tentera, sampel yang terdiri dari pelbagai jenis, memerlukan tenaga yang tinggi supaya sinaran mengion dapat menembusnya. Tidak terhad di situ, ujian radiografi juga dapat diperluaskan bagi kajian integriti struktur ke atas senjata dan bahan letupan (Rajah 2).



**Rajah 2** menunjukkan imej radiografi digital sampel bom tangan grenad.



**Rajah 3** : Badan kapal selam merupakan struktur kritikal yang perlu diberi perhatian kerana sentiasa terdedah kepada risiko pengurangan.

Manakala ujian ultrasonik adalah penggunaan gelombang frekuensi bunyi bagi menilai sesuatu bahan. Selain daripada mengesan kecacatan, ujian ini juga dapat digunakan untuk mengukur ketebalan. Secara prinsipnya bunyi yang dihantar adalah sama keamatannya apabila diterima. Jadi sebarang pengurangan keamatan yang diterima menunjukkan keabnormalan pada sampel tersebut. Teknologi ultrasonik yang terkini dapat menukarkan keamatan bunyi kepada imej menyebabkan aplikasinya semakin mendapat tempat dalam industri minyak dan gas serta perubatan. Antara aplikasi yang digunakan adalah pada struktur sayap kapal terbang dan badan kapal selam. Kapal selam yang terdedah kepada risiko pengurangan boleh mengundang bencana sekiranya pemantauan ketebalan tidak dilakukan, ini ditambah dengan cabaran seperti ketebalan yang tinggi, rekabentuk yang kompak dan sukar diakses (Rajah 3). Namun begitu, dalam ketenteraan, aplikasinya masih lagi terbatas disebabkan kekangan komponen yang mempunyai saiz yang terlalu tebal, pelbagai variasi bahan dan rekabentuk yang kompleks. Teknologi termaju ultrasonik terkini dapat menukarkan isyarat bunyi yang diterima kepada imej yang mana banyak membantu dalam mendapatkan bentuk kecacatan dalam struktur atau komponen yang dianalisis.

Seterusnya arus aruhan pusing merupakan ujian yang menggunakan arus aruhan medan magnet bagi mengesan kecacatan yang berlaku dalam sesuatu bahan. Ini dapat dikesan kerana abnormal yang hadir akan memberikan gangguan pada medan magnet yang menyebabkan bacaan nilai arus akan berkurangan.

Ringkasnya banyak lagi penilaian tanpa musnah yang dapat digunakan seperti ujian *acoustic emission*, *laser shearography*, *boreskop*, getaran, bunyi dan imej terma. Potensinya amat besar kerana kesemua ujian ini dapat dilaksanakan semasa aset-aset sedang beroperasi. Oleh itu, Kumpulan Penyelidik Bahan Termaju Maritim, Bahagian Teknologi Maritim, STRIDE telah mengambil inisiatif dalam menjalankan penyelidikan yang berkaitan penilaian tanpa musnah. Trend terkini penyelidikan adalah menggabungkan penilaian tanpa musnah dengan pengurusan data seperti pengurusan data seperti *artificial intelligence*, *machine learning* atau *deep learning*. Ini dapat mempercepatkan proses interpretasi ke atas anomali yang dijumpai kerana dapat dikenal pasti oleh sistem yang dibangunkan dan keputusan segera dapat dilakukan.



## Media Bersama Anggota Tentera Di Pulau Pandanan, Semporna, Sabah.

Kementerian Pertahanan Malaysia bersama Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (MK ATB 2) telah menganjurkan Program Hari Bersama Media 2022 pada 10 November 2022 bertempat di Kem Sri Wangsa, Semporna, Sabah. Program ini telah disempurnakan YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan telah disertai oleh pengamal media di sekitar Negeri Sabah.

Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk memberi pengalaman kepada pengamal media untuk bersama-sama dengan anggota tentera yang bertugas di Wilayah Timur Sabah. Selain itu, program ini sebagai tanda penghargaan kepada pengamal media yang sentiasa memberikan kerjasama terutamanya dalam menyampaikan liputan terhadap aktiviti serta pencapaian Kementerian Pertahanan. Melalui program yang dianjurkan ini secara tidak langsung dapat mengeratkan serta mengukuhkan hubungan kerjasama antara pengamal media di sekitar Negeri Sabah dan anggota tentera serta menjadi platform perkongsian pandangan antara kedua-dua pihak.

Pelbagai aktiviti yang menarik telah dilaksanakan untuk pengamal media sepanjang program ini berlangsung. Para pengamal media telah diberi peluang menaiki bot tempur dari jenis HAMMERHEAD dan DOLPHIN. Aktiviti seperti ini telah memberikan pengalaman baharu serta peluang kepada mereka merasai sendiri tugas serta rutin yang dilaksanakan warga ATM seperti pelaksanaan rondaan, persenjataan dan sistem komunikasi yang digunakan di Pulau Pandanan, Semporna, Sabah.



Selain itu, para pengamal media juga diberi peluang serta pendedahan berkenaan Ransum Tempur Bekal Kering (RTBK) tentera. Mereka mempelajari sendiri mengenai cara memasak RTBK tersebut dan keterujaan jelas terpapar di riak wajah pengamal media yang menyertai aktiviti ini. Mengambil kira situasi yang sering dihadapi oleh anggota keselamatan terutamanya dalam isu penculikan maka pengamal media telah didedahkan dengan Demonstrasi Menyelamat Tebusan di *Mock Up* Perkampungan Air oleh *Tim Quick Reaction Force* (QRF) dari 9 RAMD (PARA). Selain melaksanakan penugasan menjaga kedaulatan perairan negara, mereka turut bekerjasama dengan *World Wildlife Fund* (WWF) dalam pengurusan spesies akuatik yang semakin terancam dan taklimat mengenai pemuliharaan penyu kepada pengamal media telah dikendalikan oleh ATB 2.

Turut hadir sama dalam program ini adalah Encik Samasuddin bin Hj Lawe, Pengarah Kementerian Pertahanan Cawangan Sabah, Kol Wan Amir Zaki bin Wan Hassan TUDM, Ketua Staf ATB 2 dan Kapt Khairul Azyan bin Taib, Pegawai Memerintah KD SRI SEMPORNA.



# Pertandingan Pidato Sektor Keselamatan 2022

Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) telah menganjurkan Pertandingan Pidato Sektor Keselamatan bersempena Program Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan 2022. Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) di bawah Jawatankuasa Tugas-Tugas Khas dan Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian Pertahanan telah menganjurkan Saringan Pidato Sektor Keselamatan peringkat Kementerian Pertahanan pada 21 Oktober 2022.



Saringan yang dijalankan bertujuan untuk memilih lima (5) peserta yang akan mewakili Kementerian Pertahanan ke pertandingan akhir Pidato Sektor Keselamatan dan akan bertanding dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 26 Oktober 2022 bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan. Majlis Perasmian Pertandingan Akhir telah disempurnakan oleh YBrs Tuan Nadzri bin Mohd Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertahanan.

Johan bagi pertandingan ini telah dimenangi oleh Puan Raja Saadiah binti Alwee dari Kementerian Pertahanan (MinDef), tempat kedua dimenangi oleh Encik Asrul Shah bin Razali dari KDN dan ketiga dimenangi oleh Kapten Khairul bin Selamat dari MinDef.

# Bicara Psikologi: Pemikiran Ibarat Seperti Lampu

Artikel disediakan:

Yusfahida Binti Mohd Yusoff  
Cawangan Pengurusan Psikologi  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**Siapa yang mampu menghidupkan lampu dan memadamkan lampu? Sudah semestinya kita yang berkuasa ke atas lampu tersebut. Jika kita ingin berada dalam suasana yang cerah, pasti kita akan menghidupkan lampu tersebut.**

Apa perkaitannya dengan kehidupan kita? Lampu itu diibaratkan seperti kehidupan kita. Yang menghidupkan kehidupan kita ialah 'fikiran' kita. Individu yang terperangkap di dalam emosi dan pemikiran mereka ibarat macam orang yang sihat secara fizikalnya tetapi jatuh sakit dan lemah. Dalam sebuah buku yang bertajuk '*Mindset*' sebuah karya Carol S. Dweck yang merupakan seorang ahli psikologi yang melakukan pelbagai kajian mengenai personaliti, sosial psikologi dan pembangunan psikologi ada menjelaskan pemikiran terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu pemikiran tetap (*fixed mindset*) dan pemikiran yang membangun (*growth mindset*).

Sebagai contoh, individu yang selalu berfikir secara positif mempunyai kemahiran mental yang membolehkan mereka mudah menyelesaikan masalah dan lebih tabah dalam menghadapi kesukaran atau ujian hidup.

## TIGA KATEGORI PEMIKIRAN NEGATIF YANG BOLEH MEMBUNUH SELF-TALK YANG POSITIF

- **Personalizing**

Sentiasa menyalahkan diri sendiri atas segala perkara yang berlaku.

- **Magnifying**

Anda fokus atau memperbesarkan sisi negatif sesuatu situasi serta menolak semua aspek positif.

- **Catastrophizing**

Anda menjangkakan yang terburuk. Anda jarang menerima alasan munasabah untuk mengubah pemikiran ke arah yang positif.

## TIGA TIP YANG BERGUNA UNTUK KITA ADAPTASI SELF-TALK YANG POSITIF

- **Kenalpasti Perangkap Monolog Yang Negatif**

Terdapat situasi yang menyebabkan anda mudah berfikir negatif. Cuba atasi persepsi negatif anda.

- **Kawal Perasaan Anda**

Ambil masa untuk berfikir seketika ketika berhadapan dengan hari yang buruk. Tenangkan diri dan amalkan teknik pernafasan yang betul untuk lebih relaks.

- **Manfaatkan Penyataan Yang Positif**

Kata-kata hikmah atau inspirasi yang anda baca dari dalam buku atau terlihat di paparan posting di media sosial mampu menaikkan semangat dan menceriakan anda. Anda boleh menulis kata-kata tersebut di atas sekeping kertas dan menampalnya di tempat yang anda sering lihat di tempat kerja atau di rumah.

## HULURKAN SUMBANGAN

# TABUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA (TAPPN)

### TUJUAN TABUNG



Untuk menghargai sumbangan anggota-anggota pasukan keselamatan dan agensi berkaitan yang tercedera atau terkorban ketika dalam menjalankan tugas

### BENEFISIARI

ATM	APM	RELA
PDRM	AADK	PENJARA
APMM	AKSEM	BOMBA
IMIGRESEN	KASTAM	KPDNHEP

## CARA MEMBUAT SUMBANGAN:

- 1 Muat turun aplikasi AMANAHRAYA
- 2 Pilih "Donation"
- 3 Pilih Tabung Amanah Perwira & Pertahanan Negara
- 4 Pilih jumlah sumbangan



**SEKRETARIAT TAPPN**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

Tel: 03-4012 6481 / 03-4012 6483

Faks : 03-2694 8759



# LIMA`23

L A N G K A W I

**23 - 27 MEI 2023**

**PAMERAN MARITIM DAN AEROANGKASA  
ANTARABANGSA LANGKAWI KE-16**



## Perhubungan Perdagangan Maritim & Aeroangkasa Asia

Dianjurkan oleh:



Anjuran bersama:



Imbas Kod QR ini untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai penyertaan di LIMA 2023.

Untuk maklumat lanjut, sila layari Laman Web LIMA 2023 dan Platform Media Sosial atau anda boleh menghubungi:

**E-mel: [hello@aisgroup.biz](mailto:hello@aisgroup.biz)**

